



NOTIS SEBUTHARGA UNIMAS HOLDINGS SDN BHD

Sebutharga adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat yang berdaftar dan mempunyai lesen perniagaan/kod bidang di bawah ini dan masih berkuatkuasa serta aktif untuk menyertai sebutharga berikut:

- Berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA/PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK** dalam bidang perkhidmatan Makanan Bermasak Islam (Kod Bidang 040103); **atau**
- Mempunyai **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN DAN LESEN PERDAGANGAN YANG SAH** berkaitan dalam bidang **PERKHIDMATAN MAKANAN** seperti Makanan Bermasak Islam/Kantin/Kafetaria/Katering dan sebagainya

No	No. Sebutharga	Tajuk Sebutharga	Kod Bidang / Lesen	Taklimat / Lawatan Tapak (WAJIB)	Tarikh Tutup
1	UHSB/SH/2022/02	Sebutharga Perkhidmatan Gerai Makanan di Student Pavilion Bagi Gerai No. 10, No. 11, No. 12, No. 17, No. 18, No. 19 dan No. 20 di Universiti Malaysia Sarawak	Seperti yang dinyatakan di dalam Item (1) & (2) di atas	17 Feb 2022 Jam 10.00 Pagi di Dewan Serbaguna Student Pavilion, Universiti Malaysia Sarawak	24 Februari 2022 Jam 12.00 Tengahari

- Syarikat yang berminat untuk menyertai Sebutharga **DIKEHENDAKI** untuk mengesahkan kehadiran melalui e-mel kepada justinbaba@unimasholdings.com selewat-lewatnya pada 16 Februari 2022.
- Lawatan tapak adalah **WAJIB**. Hanya Pemilik Syarikat atau Penama yang diberi kuasa (sila bawa Surat Perwakilan Kuasa) yang boleh menghadiri taklimat/lawatan tapak. Pemilik Syarikat/Penama hanya boleh mewakili satu syarikat sahaja.
- Syarikat yang hadir akan diberikan Dokumen Sebutharga sewaktu taklimat/lawatan tapak secara percuma. Sila bawa cop syarikat dan Sijil Asal lesen di atas berserta dengan satu (1) salinan pendua untuk diserahkan semasa mengambil Dokumen Sebutharga. Perkhidmatan fotokopi tidak disediakan.
- Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang ditulis pada sudut sebelah atas kirinya dengan No. Sebutharga "**UHSB/SH/2022/02**".
- Ia hendaklah sampai serta dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di pejabat UNIMAS Holdings Sdn Bhd pada atau sebelum tarikh dan masa yang dinyatakan di atas dengan dialamatkan kepada:

**Pengurus Besar,
UNIMAS Holdings Sdn Bhd.,
Level 6, UNIMAS City Campus,
Lot 77, Section 22, KTL D, Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce,
93150 Kuching**

- Dokumen Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
- Syarikat hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi SOP langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakan sosial seperti yang diarahkan oleh KKM, MKN, Universiti Malaysia Sarawak dan UNIMAS Holdings Sdn Bhd sepanjang sebutharga dilaksanakan.
- Pihak UNIMAS Holdings Sdn Bhd tidak tertakluk untuk memberi tawaran kepada sebutharga terendah atau mana-mana sebutharga.

TARIKH NOTIS DIKELUARKAN: 10 FEBRUARI 2022